

▼13/01/17-49MST

CNS5960

U GB 13-01 00188 BB548

BAH

Mahathir - Cuti

NEGERI YANG CUTI JUMAAT PATUT KAJI TUKAR PADA HARI AHAD

ALOR SETAR, 13 Jan (Bernama) -- Negeri yang cuti mingguannya jatuh pada hari Jumaat patut mengkaji untuk menukarnya kepada hari Ahad, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Konsep cuti mingguan sampai tidak boleh bekerja ialah amalan orang Yahudi tetapi kita sebagai orang Islam seharusnya boleh bekerja pada setiap hari," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Exco Kerajaan Negeri dan para pegawai Daerah Kedah di Wisma Darul Aman, di sini, hari ini.

Penganut agama Yahudi ditegah melakukan sebarang pekerjaan sehari dalam setiap minggu iaitu hari Sabtu yang disebut sebagai Hari Sabat.

Orang Yahudi berpegang kepada konsep itu sehingga kalau ada orang hendak membunuh mereka, mereka tidak boleh mempertahankan diri, katanya.

Menurut Dr Mahathir, umat Islam mesti boleh bekerja pada tiap-tiap hari tetapi sering kali didapati ada orang Islam (di negeri yang cuti mingguannya hari Jumaat) tidak pergi sembahyang Jumaat, sebaliknya mereka pergi melancong.

Yang hadir sama pada perjumpaan itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff. -- Lagi.

▼13/01/17-28MST

U GB 13-01 00203 BB549

BAH

Mahathir - Cuti 2 (Akhir) Alor Setar

Perdana Menteri berkata, kalau cuti minggu pada hari Ahad, rakyat bebas hendak pergi melancong pada hari itu. Sebaliknya, walaupun terpaksa bekerja hari Jumaat, mereka masih mempunyai kelapangan untuk pergi ke masjid untuk menunaikan solat fardu Jumaat, terus dari tempat kerja.

"Saya fikir negeri yang masih mengekalkan cuti mingguan pada hari Jumaat patut mengkaji untuk menukar cuti mingguan mereka kalau mengikut Islam kita tidak perlu cuti pada hari Jumaat," katanya.

Kini hanya Kedah, Kelantan dan Terengganu yang masih mengekalkan cuti mingguan pada hari Jumaat manakala Johor dan Perlis telah menukar cuti mingguan mereka kepada Ahad mulai 1 Jan lalu.

"Kalau nak ikut Islam kita tak payah cuti hari Jumaat dan di Kuala Lumpur pun apabila hari Jumaat orang ramai tetap pergi sembahyang dan masjid penuh," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai perkara itu yang akan dijadikan isu politik oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata, mereka berbuat demikian kerana tidak faham dengan ajaran Islam.

"Mereka hendak hari Jumaat sebagai hari untuk berehat bukan untuk hendak menunaikan sembahyang jemaah sedangkan tujuan sembahyang Jumaat ialah untuk sembahyang jemaah tetapi tidak payah cuti," katanya. -- Bernama.

AMJ KAM.

▼13/01/17-29MST